



USIM terima tiga anugerah tertinggi

» Pengiktirafan pada majlis anjuran EBA di London

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima tiga anugerah tertinggi pada dua majlis anjuran Europe Business Assembly (EBA) yang berlangsung di London, England, pada 16 hingga 19 Disember lalu.

Pada majlis 'Socrates Award Ceremony' di Dewan Bandaraya Oxford, USIM dipilih sebagai penerima anugerah 'Best Regional University' dan 'Best Manager of The Year'.

Naib Canselor USIM, Datuk Dr Asma Ismail, berkata USIM dipilih menerima anugerah 'Best Regional University' kerana menjalankan peranan penting sebagai sebuah universiti Islam yang mempunyai kekuatan dalam bidang sains, perniagaan dan perubahan ber-

teraskan pengajian Islam. "Selain USIM, dua universiti tempatan iaitu Universiti Teknikal Malaysia, Melaka dan Universiti Malaysia Perlis turut dipilih menerima anugerah itu atas peranan sama," katanya pada sidang media mengenai pencapaian itu baru-baru ini.

Katanya, dalam acara sama beliau selaku Naib Canselor USIM dipilih menerima anugerah 'Best Manager of The Year' yang mengiktiraf kepemimpinan, profesionalisme dan reputasi cemerlang dalam memimpin institut pengajian tinggi.

Keunikan tersendiri
Sementara satu lagi anugerah diterima USIM ialah 'Best Scientist 2013' dalam satu acara EBA, iaitu 'Oxford Summit of Leaders Science and Education' yang turut diterima Dr Asma selaku Naib Canselor USIM.

Dr Asma berkata, beliau tidak menjangka USIM mampu meraih tiga

anugerah utama pada acara anjuran EBA itu, iaitu sebuah institusi berpengaruh di Eropah yang berperanan menggalakkan transformasi dalam amalan ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan sains.

Katanya, kebanyakan calon lain adalah pemimpin dari universiti ulung dan ternama di Eropah dan Asia Tengah.

"USIM hadir sebagai universiti baharu dan dilihat mempunyai keunikan tersendiri," katanya.

Beliau berkata, pemimpin dari universiti lain juga terpegun dengan kredibiliti USIM yang pengajiannya berteraskan sumber 'naqli' dan 'aqli'.

Pemilihan penerima anugerah oleh EBA dijalankan secara dalaman talian berdasar sumbangan individu dan institut pengajian tinggi seluruh dunia dalam pembangunan sains, penyelidikan, kelestarian komuniti dan institusi serta pengkomersialan produk inovasi.